

17/10/2001

Duta nafi dakwaan kerajaan cetus sentimen anti-AS

CYBERJAYA, Selasa - Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Marie T Huhtala, hari ini menafikan dakwaan kerajaan Malaysia bertanggungjawab membangkitkan sentimen anti-Amerika di kalangan rakyat negara ini.

Malah, beliau berkata, sepanjang 18 hari berkhidmat di negara ini, tiada layanan buruk diterimanya.

"Saya percaya kerajaan Malaysia tidak bersikap demikian," katanya kepada pemberita selepas sesi dialog dan majlis makan tengah hari Dewan Perniagaan Malaysia Amerika (Amcham) bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini.

Huhtala berkata, hubungan baik kedua-dua negara masih kukuh walaupun selepas serangan di Washington dan New York, 11 September lalu.

Beliau berkata, walaupun demonstrasi menentang serangan Amerika terhadap Afghanistan berlaku di negara ini, warga Amerika, terutama pelaburnya masih boleh meneruskan perniagaan seperti biasa.

"Kerajaan menerusi pihak keselamatan seperti polis memberi perlindungan tambahan kepada warga Amerika selepas peristiwa 11 September lalu," katanya.

Huhtala berkata, sesi dialog yang diadakan bersama Perdana Menteri hari ini meningkatkan lagi keyakinan itu, terutama di kalangan pelabur Amerika.

Mengulas dakwaan media asing dan pegawai di Amerika bahawa surat yang mengandungi bakteria antraks dikirim dari Malaysia, Huhtala berkata:

"Adalah terlalu awal mengesahkan perkara ini. Kedua-dua negara sedang menjalankan siasatan terperinci berhubung perkara ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Amcham, Nicholas S Zefferys, berkata pelaburan Amerika di Malaysia dijangka berterusan sejajar dasar kerajaan yang mampu menyediakan persekitaran selesa kepada pelabur.

Beliau berkata, persefahaman Malaysia-Amerika bagi menentang keganasan meningkatkan keyakinan pelabur untuk meluaskan perniagaan di negara ini.

Katanya, peluang berdialog dengan Perdana Menteri tengah hari tadi meningkatkan keyakinan peniaga Amerika untuk terus melabur di sini.

(END)